

▼21/09/14-18MST
R GB 21-09 00235 BA352

aab

MALAYSIA AKAN KEKALKAN DASAR LIBERAL
(Embargo: Untuk siaran selapas jam 1800 hari ini, 21 Sept)

- Mahathir - Pelaburan
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

LONDON, 21 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan mengekalkan dasar pelaburan liberal yang diamalkan sekarang yang antara lain membenarkan kepentingan majoriti, termasuk 100 peratus pemilikan asing, bagi projek perkilangan yang berorientasi eksport.

Beliau berkata memandangkan yang dasar-dasar itu telah terbukti berjaya, tidak ada sebab kenapa ia tidak harus diteruskan.

Ketika berucap atas tema +Malaysia: Pusat Keuntungan Anda di Asia+ pada satu seminar anjuran MIDA di sini, Perdana Menteri berkata kini tidak diragui lagi bahawa Malaysia mempunyai kelebihan daripada segi pengeluaran untuk pasaran dunia.

+Sememangnya kemampuan untuk bersaing inilah yang telah mendorong kami ke tahap teratas dalam bidang eksport dunia. Ini bukan sahaja bagi semi-konduktor, yang kami menjadi pemimpinya bagi sejak beberapa lama, tetapi juga akhir-akhir ini dalam alat pendingin udara bilik, benang getah, sarung tangan getah, TV warna dan peralatan audio,+ katanya.

Kira-kira 250 pemimpin industri, ahli perniagaan, ahli bank dan bakal pelabur dari seluruh Britain menghadiri seminar sehari itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga pesat menuju ke arah menjadi pemimpin dunia dalam pengeluaran kamera. Dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini sahaja, eksport barangan yang dikilang merupakan 64.7 peratus daripada jumlah eksport negara. -- Lagi.

▼21/09/16-24MST
R GB 21-09 00198 BA353

aab

Mahathir - Pelaburan 2 London (Embargo)

Beliau berkata kerajaannya akan terus memberi perhatian utama kepada pelaburan luar negara kerana mereka turut membawa teknologi baru, proses baru, perhubungan penting dan kemudahan memasuki pasaran dunia.

Memandangkan yang sektor swasta boleh berkembang dengan baiknya dalam keadaan makro-ekonomi yang stabil, kerajaan juga akan terus mewujudkan suasana yang sesuai bagi pertumbuhan pelaburan swasta dan kemajuan keusahawanan, katanya.

Mengenai perubahan kepada skim insentif cukai baru-baru ini, Dr Mahathir berkata perubahan itu bertujuan meningkatkan keupayaan berdikari dan mewujudkan industri yang lebih mampu bersaing dan lebih cekap.

Pakej insentif yang ditawarkan kepada pelabur asing perlu dikaji dari masa ke masa, untuk memasukan sistem yang lebih berkesan dan terpilih. Ini untuk menggalakkan kecekapan, produktivi dan penyusunan semula korporat bagi memastikan pertumbuhan yang berkekalan dalam sektor perkilangan, katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sedar bahawa dalam usahanya untuk memajukan pertumbuhan industri, Malaysia akan menghadapi pelbagai halangan.

Bagaimanapun beliau yakin bahawa dengan adanya kestabilan politik, sumber asli dan tenaga kerja yang memahami bahasa Inggeris, beserta dengan keazaman negara untuk memajukan sumber manusia dan kemudahan asas, Malaysia akan kekal sebagai tempat yang menarik bagi pelaburan. -- Lagi.

▼21/09/16-26MST

aab

Mahathir - Pelaburan 3 London (Embargo)

Strategi Malaysia bagi tahun-tahun yang akan datang akan mengambil kira bukan sahaja keadaan politik, ekonomi dan sosial dalam negara tetapi juga suasana geo-politik dan ekonomi luar negara, yang telah mengalami perubahan yang besar.

Mengenai hubungan dua hala Malaysia-Britain, Perdana Menteri berkata kedua-dua negara mempunyai hubungan tradisi yang lama mencakupi sektor politik, ekonomi, sosial dan pendidikan.

Beliau gembira kerana perkembangan dalam kerjasama dua hala ekonomi juga menggalakkan.

Dr. Mahathir berkata bahawa Uniter Kingdom (UK) merupakan rakan perdagangan yang keempat besarnya bagi Malaysia dan merupakan kira-kira 4.5 peratus daripada jumlah perdagangan negara tahun lepas.

Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara meningkat lebih daripada tiga kali, daripada M\$2,820 juta pada 1989 kepada M\$8,807 juta tahun lepas.

Pada masa ini, barangan yang siap dikilang merupakan kira-kira 90 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke UK. Ini merupakan perubahan besar daripada corak eksport masa lalu yang kebanyakannya timah dan getah, katanya. -- Lagi.

▼21/09/16-29MST

aab

Mahathir - Pelaburan 4 (Akhir) London (Embargo)

Perdana Menteri yakin bahawa kerjasama ekonomi yang kukuh sekarang antara kedua-dua negara akan terus berkembang dan bertambah kuat lagi.

Mengenai ASEAN, Dr Mahathir berkata bahawa negara anggota pertubuhan itu kini menikmati satu daripada kadar pertumbuhan ekonomi yang paling pesat, antara lima dan lapan peratus.

Berdasarkan kepada kadar pertumbuhan penduduk dan ekonomi negara-negara ASEAN, Keluaran Negara Kasar (KNK) dari rantau itu dianggarkan mencapai antara 100 dan 110 bilion pound menjelang tahun 2000.

Keadaan itu menawarkan peluang yang besar bagi syarikat-syarikat UK untuk menempatkan operasi perkilangan mereka di sana, katanya.

Di samping itu, katanya, rantau itu akan menjadi pasaran yang jauh lebih menarik apabila kerajaan-kerajaan enam negara ASEAN mula melaksanakan Perjanjian mengenai Tarif Keutamaan Sama Rata (CEPT) bagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Perjanjian itu, yang akan memudahkan perdagangan melalui pengurangan tarif secara beransur-ansur dalam lingkungan Asean, bertujuan mewujudkan satu kawasan perdagangan bebas dalam masa 15 tahun dari 1 Jan. 1992. -- Bernama.